



Tentera Darat Malaysia (TDM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan memenuhi syarat untuk menghadiri sesi **Pemilihan Awal Perajurit Muda Lelaki Tentera Darat**. Calon-calon yang layak akan dipanggil untuk menghadiri sesi **Pemilihan Akhir Perajurit Muda Lelaki Tentera Darat** sebelum menjalani Latihan Asas Ketenteraan selama 6 bulan di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson, Negeri Sembilan. Syarat-syarat Lantikan adalah seperti berikut:

KELAYAKAN AKADEMIK

* Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat **KEPUJIAN** dalam **Bahasa Melayu**, **Matematik**, salah satu subjek **Sains** dan **LULUS** dalam **Bahasa Inggeris**.

* Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) **TAHAP 2** ke atas dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **KEPUJIAN** dalam **Bahasa Melayu** peringkat SPM.

LAIN-LAIN KELAYAKAN

* **Warganegara Malaysia**. Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh angkat sumpah.

* **Kes Polis/Mahkamah**. Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah/dadah/juvana.

* **Taraf Kesihatan**. Tahap penglihatan ialah 6/6 tanpa kaca mata dan kanta lekap. Calon-calon mesti lulus pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan ATM iaitu memenuhi taraf Darjah Kesihatan Tubuh (DKT – *Forward Everywhere* (FE) iaitu boleh diaturgerak untuk semua tugas-tugas pertempuran di mana-mana bahagian dunia.

* **Kriteria Pemilihan**. Proses pemilihan adalah berdasarkan kepada merit: kelayakan akademik, fizikal, ujian bertulis (IQ dan Psikologi) serta ujian kecergasan. Kecemerlangan dalam bidang sukan juga diberi keutamaan.

* **Syarat Minima Ukuran Fizikal:**

Ukuran	Lelaki
Tinggi	1.62m
Berat	47.5kg
BMI (Berat / Tinggi / Tinggi) =	18-25
Ukuran Dada Biasa	76sm
Ukuran Dada Kembang	81sm

DOKUMEN & SIJIL YANG DIPERLUKAN

Pemohon dikehendaki membawa bersama dokumen **ASAL** dan **satu salinan fotostat** dokumen-dokumen seperti berikut:

- * Kad Pengenalan.
- * Sijil Kelahiran.
- * Sijil SPM atau Slip Peperiksaan (2013 sahaja).
- * Sijil SKM Tahap 2.
- * Sijil Berhenti Sekolah.
- * Fotostat Kad Pengenalan/Sijil Kematian (bagi ibu bapa yang telah meninggal dunia).
- * Surat Nikah/Sijil Pendaftaran Perkahwinan/Sijil Daftar Kelahiran Anak (bagi yang telah berkahwin).
- * Sekeping gambar terkini berukuran pasport (tidak dikembalikan).
- * Sila bawa bersama *ball pen* hitam.
- * Sampul Surat Pos Ekspres (Pos Malaysia – berharga RM3.00) – saiz sampul 220mm x 110mm beralamat sendiri.

GAJI DAN ELAUN

Berdasarkan Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA - ATM) yang sedang berkuatkuasa.

PUSAT PEMILIHAN SETEMPAT PERAJURIT MUDA LELAKI TENTERA DARAT

Sila Hadir Dengan Berpakaian Kemas

Tarikh: 5 Mei 14 – 5 Jun 14
Masa Pendaftaran: 9.00 pagi – 1.00 petang
(Isnin – Khamis)

Sel Pengambilan Perajurit Muda Tentera Darat,
Cawangan Sumber Manusia
Markas Tentera Darat 2
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2071 3807/4254/4523/4258/2197

Nota:

- Pemohon boleh hadir ke alamat di atas untuk menjalani Pemilihan Awal Perajurit Muda TD dengan membawa bersama-sama dokumen seperti yang dinyatakan.

- Untuk makluman, pemilihan terbuka di seluruh negara akan bermula pada bulan Jun 2014 (tarikh sebenar belum ditetapkan). Perkara akan diiklankan dalam akhbar-akhbar utama dan Portal Rasmi TD/Kementerian Pertahanan.